



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PENGALAMAN SESI KAUNSELING INDIVIDU TERHADAP
PERKEMBANGAN HOLISTIK DIRI REMAJA HAMIL LUAR NIKAH***

TENGGU TEH MARIAH BINTI TENGGU JEWAW

FPP 2021 41



**PENGALAMAN SESI KAUNSELING INDIVIDU TERHADAP
PERKEMBANGAN HOLISTIK DIRI REMAJA HAMIL LUAR NIKAH**

Oleh

TENGGU TEH MARIAH BINTI TENGGU JAWA

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti
Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains**

Jun 2021

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

PENGALAMAN SESI KAUNSELING INDIVIDU TERHADAP PERKEMBANGAN HOLISTIK DIRI REMAJA HAMIL LUAR NIKAH

Oleh

TENGGU TEH MARIAH BINTI TENGGU JAWA

Jun 2021

Pengerusi : Profesor Madya Noor Syamilah Zakaria, PhD
Fakulti : Pengajian Pendidikan

Peringkat perkembangan individu sewaktu remaja secara fizikal, biologikal, mental dan emosional berlaku dengan pesat dan drastik, di samping bermulanya identifikasi diri, peranan dan tanggungjawab sosial. Zaman remaja mulai ditanggap sebagai suatu fasa kehidupan yang sangat mencabar serta rapuh, serta setiap individu pasti tidak dapat mengelak daripada berhadapan dengan permasalahan yang berkait dengan kehidupan dan kelangsungan hidup. Permasalahan ini merangkumi gaya hidup lepas bebas, tingkah laku berisiko, keterlibatan dalam aktiviti seksual sebagainya lagi. Isu remaja hamil luar nikah yang tidak dicelah dengan berkesan mempunyai ramifikasi yang kritikal. Penubuhan institusi perlindungan atau pusat pemulihan akhlak merupakan suatu bentuk sokongan terhadap usaha pemulihan yang dipelopori oleh pihak yang berkaitan bagi membantu remaja yang dihimpit permasalahan dalam kehidupan ini.

Perkhidmatan kaunseling secara profesional disediakan di institusi pemulihan akhlak dengan penempatan kaunselor berdaftar bagi memastikan perkhidmatan yang berkualiti dan beretika dapat diberikan. Perkhidmatan kaunseling yang disediakan diharapkan akan menjadi pemangkin perubahan holistik remaja hamil luar nikah dengan membantu penerokaan diri dan persekitaran, bimbingan jasmani dan rohani serta mencari alternatif penyelesaian terhadap isu yang dihadapi. Namun begitu, terdapat satu persoalan yang timbul berkisar tentang sejauh manakah pengalaman sesi kaunseling individu dapat membantu remaja hamil luar nikah memperkukuh keperibadian diri dan meneruskan ikhtiar hidup selepas suatu episod hitam telah terlarak dalam diari kehidupan? Justeru itu, kajian ini dilakukan bagi meneroka secara lebih mendalam dan meluas pengalaman sesi kaunseling individu terhadap perkembangan holistik diri remaja hamil luar nikah.

Kajian kualitatif jenis kajian kes telah dipilih bagi menjawab persoalan kajian. Terdapat lima orang peserta kajian yang dilibatkan dalam kajian ini merangkumi lima orang pelatih yang tinggal di sebuah pusat pemulihan akhlak; beserta seorang penyelia dan seorang kaunselor berdaftar yang berkhidmat di pusat pemulihan akhlak yang sama juga dilibatkan bagi memperkukuh dan mengesahkan dapatan kajian, khususnya bagi aktiviti pemerhatian lapangan dan penelitian dokumentasi. Kaedah persampelan bertujuan digunakan dalam proses kutipan data yang diperlukan, iaitu remaja yang pernah hamil luar nikah dan telah menjalani sesi kaunseling individu sekurang-kurangnya tiga kali sepanjang berada di pusat pemulihan akhlak. Temu bual secara separa berstruktur digunakan sebagai kaedah utama pengumpulan data, selain dari pemerhatian penyelidik di lapangan dan penelitian dokumentasi yang berkaitan. Temu bual telah dirakam, ditranskrip secara verbatim, disusun dan ditafsirkan bagi membina kategori dan menghasilkan tema bagi menjawab persoalan kajian.

Dapatan kajian membentangkan pengalaman perkembangan yang positif setelah pelatih menjalani intervensi kaunseling individu secara berkala. Perkembangan diri remaja hamil luar nikah direkodkan dengan penelitian tiga aspek utama pembentukan jati diri individu iaitu emosi, pemikiran dan tingkah laku. Aspek emosi menyerlahkan pengalaman: (1) ketenangan, (2) kestabilan pengawalan emosi dan (3) keberanian berhadapan dengan cabaran masa hadapan. Sementara aspek pemikiran pula menyerlahkan pengalaman: (1) berfikiran positif, (2) berfikiran matang, (3) berkesedaran sendiri dan (4) bermotivasi membuat perancangan hidup. Akhir sekali, aspek tingkah laku pula menyerlahkan pengalaman: (1) meningkatkan disiplin diri dan (2) menggalakkan toleransi diri. Kajian ini memberi implikasi bahawa pengalaman yang digarap di pusat pemulihan akhlak dalam sesi kaunseling individu yang dilalui remaja hamil luar nikah dan peranan kaunselor berdaftar adalah sangat signifikan bagi memastikan remaja hamil luar nikah mampu bangkit membingkas untuk berkembang menjadi individu yang sejahtera dan kembali berfungsi secara holistik.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in
fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

**EXPERIENCE OF INDIVIDUAL COUNSELLING SESSIONS TOWARDS
HOLISTIC SELF-DEVELOPMENT OF NON-MARITAL PREGNANCY
ADOLESCENTS**

By

TENGGU TEH MARIAH BINTI TENGGU JAWA

June 2021

Chairman : Associate Professor Noor Syamilah Zakaria, PhD
Faculty : Educational Studies

The stage of individual development during adolescence in terms of physical, biological, mental and emotional happens rapidly and drastically along with the beginning of self-identification as well as social roles and responsibilities. Adolescence started to be perceived as a phase of life that is very challenging and fragile that every individual certainly cannot avoid facing problems related to life and survival. These problems include free lifestyle, risky behaviours, engagement in sexual activities and others. The issue of non-marital pregnancy adolescents that is not intervened effectively leads to critical ramification. The establishment of shelter institutions or moral rehabilitation centre is a form of support to the rehabilitation efforts that are pioneered by concerned parties to help the adolescents who struggle with life-related issues.

Professional counselling service is provided in the moral rehabilitation centre by the placement of a registered counsellor to ensure quality and ethical service can be delivered. The provided counselling service is hoped to be a catalyst of holistic change for the non-marital pregnancy adolescents by helping them to explore oneself and environment, to guide them physically and spiritually as well as to seek solving alternatives for the issues that are faced. However, there is a question arises that is to what extent individual counselling session experience can help to enhance personality and to survive a dark episode that one has encountered in life? Therefore, this study was conducted to explore deeper and broader effects of the individual counselling session experience towards holistic development of non-marital pregnancy adolescents.

The qualitative case study methodology was selected to answer the study questions. There were five participants who were involved in this study. Three

of them are the trainees who stayed in moral rehabilitation centre. Also, there were one supervisor and one registered counsellor who served at the centre involved to enhance and validate study findings especially for field observation activity and document analysis. Purposive sampling technique was utilised to collect data of adolescents who used to experience non-marital pregnancy and attended individual counselling session for minimum of three times throughout the stay in the rehabilitation centre. A semi-structured interview was employed as the main method to collect data besides field observation and document analysis by the researcher. The interviews were recorded, transcribed, arranged and interpreted to establish categories and produce themes to answer research questions.

Research findings presented positive developmental experience after attending individual counselling sessions regularly. The development of non-marital pregnancy adolescents was recorded based on three main aspects of an individual's personality development which are emotion, thinking and behaviour. The emotion aspect indicates the following experience: (1) calmness, (2) stability of emotion control and (3) courage to face future challenges. Whereas the thinking aspect highlights the experience of: (1) positive thinking, (2) matured thinking, (3) self-conscious and (4) motivation to make a life planning. Finally, the behaviour aspect reflects the experience to: (1) increase self-discipline and (2) encourage self-tolerance. This study implicated that the experience of attending individual counselling sessions by the non-marital pregnancy adolescents in the moral rehabilitation centre and through the functioning roles of the registered counsellor were very significant to ensure the non-marital pregnancy adolescents to be able to bounce back thus develop into thriving individuals and resume function holistically.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah S.W.T yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani.

Syukur alhamdulillah kerana dengan limpahan rahmat dan kasih sayangNya, saya dapat menyempurnakan tesis ini dengan segala keupayaan yang ada. Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan yang sangat saya hormati dan kasih iaitu Profesor Madya Dr. Noor Syamilah Zakaria yang sentiasa sudi memberikan motivasi, bimbingan, panduan, tunjuk ajar dan sentiasa bersedia berkongsi kepakaran beliau dalam fokus tajuk dan dalam kajian kualitatif sepanjang saya menyiapkan penyelidikan dan menghasilkan tesis ini.

Ucapan terima kasih saya juga kepada Tuan Haji Othman Jailani selaku ahli jawatankuasa penyeliaan yang banyak memberi nasihat, teguran serta tunjuk ajar sepanjang saya menyiapkan penyelidikan ini. Seterusnya, terima kasih diucapkan kepada semua pensyarah bimbingan dan kaunseling, rakan-rakan seperjuangan serta staf di Fakulti Pengajian Pendidikan yang telah banyak membimbing dan membantu sepanjang tempoh pengajian saya di peringkat sarjana ini.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih diucapkan kepada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) khususnya Kompleks Dar Assaadah, Kuala Lumpur atas kesudian memberikan peluang kepada saya untuk menjalankan kajian di seting ini.

Tidak dilupakan ucapan terima kasih buat ibu tercinta, Hajah Noriah Binti Awang Ahmad yang telah banyak berkorban, memberi dorongan dan sentiasa berdoa untuk kejayaan saya. Buat suami tersayang, Hazmir Bin Jamaludin, terima kasih kerana sentiasa berdiri setia di sisi memberikan sokongan moral dan segala bentuk bantuan sepanjang masa dan ketika sepanjang tempoh pengajian dan penyelidikan ini. Buat anak yang disayangi, Puteri Adelya Rizqi Binti Hazmir, terima kasih kerana banyak menggemirakan hati, memahami dan menyokong sepanjang mengharungi liku dan cabaran dalam tempoh menyiapkan kajian tesis saya ini. Begitu juga dengan ibu dan bapa mertua yang sentiasa mendoakan kejayaan saya.

Semoga Allah S.W.T membalas jasa dan pengorbanan insan-insan ini dengan sebaik-baik balasan, InsyaAllah.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Noor Syamilah Zakaria, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Othman Jailani, MSc

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 11 November 2021

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang telah dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Profesor Madya Dr. Noor Syamilah Zakaria

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Othman Jailani

JADUAL KANDUNGAN

	Muka surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	vii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
BAB	
1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Permasalahan Kajian	5
1.4 Objektif Kajian	9
1.4.1 Objektif Umum Kajian	9
1.4.2 Objektif Khusus Kajian	9
1.5 Persoalan Kajian	10
1.6 Kepentingan Kajian	10
1.7 Skop dan Batasan Kajian	11
1.8 Definisi Terma Kajian	12
1.8.1 Pengalaman	12
1.8.2 Sesi Kaunseling Individu	12
1.8.3 Perkembangan Holistik	13
1.8.4 Remaja	14
1.8.5 Hamil Luar Nikah	15
1.8.6 Emosi	15
1.8.7 Pemikiran	16
1.8.8 Tingkah Laku	17
1.9 Rumusan	17
2 SOROTAN LITERATUR	18
2.1 Pengenalan	18
2.2 Sorotan Berkaitan Pengalaman Sesi Kaunseling Individu Terhadap Perkembangan Diri Remaja	18
2.3 Latar Belakang Teori	30
2.3.1 Teori Pemusatan Perorangan oleh Carl Rogers (1902-1987)	30
2.3.2 Teori Psikologi Individu oleh Alfred Adler (1870-1937)	32
2.4 Kerangka Teoritikal Kajian	34
2.5 Kerangka Konseptual Kajian	35
2.6 Rumusan	37

3	METODOLOGI KAJIAN	39
3.1	Pengenalan	39
3.2	Reka Bentuk Kajian	39
3.3	Rasional Pemilihan Pendekatan Kajian Kes Secara Kualitatif	41
3.4	Kajian Rintis	42
3.5	Lokasi Kajian	42
3.6	Tempoh Kajian	43
3.7	Populasi Kajian	43
3.8	Persampelan Kajian	43
3.9	Instrumen Kajian	44
3.10	Prosedur Pengumpulan Data	45
3.11	Triangulasi Pengumpulan Data	46
	3.11.1 Kaedah Temu Bual	46
	3.11.2 Kaedah Analisis Dokumen	49
	3.11.3 Kaedah Pemerhatian	49
3.12	Analisis Data	50
3.13	Etika Dalam Kajian	51
3.14	Prosedur Meningkatkan Kesahan/Kredibiliti Data	53
	3.14.1 Triangulasi	53
	3.14.2 <i>Member Check</i>	53
	3.14.3 Jejak Audit (Audit Trail)	54
	3.14.4 Semakan Rakan Sekerja (Peer Review)	54
3.15	Rumusan	54
4	HASIL KAJIAN	55
4.1	Pengenalan	55
4.2	Latar Belakang Peserta Kajian	55
4.3	Persoalan kajian 1	60
	4.3.1 Ketenangan	60
	4.3.2 Kestabilan Pengawalan Emosi	63
	4.3.3 Keberanian Berhadapan Dengan Cabaran Masa Hadapan	66
4.4	Persoalan Kajian 2	68
	4.4.1 Berfikiran Positif	69
	4.4.2 Berfikiran Matang	71
	4.4.3 Berkesedaran Kendiri	73
	4.4.4 Bermotivasi Membuat Perancangan Hidup	76
4.5	Persoalan Kajian 3	78
	4.5.1 Meningkatkan Disiplin Diri	78
	4.5.2 Menggalakkan Toleransi Diri	80
4.6	Rumusan	83
5	PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	85
5.1	Pengenalan	85
5.2	Perbincangan	85
	5.2.1 Perbincangan Bagi Persoalan Kajian 1	85
	5.2.1.1 Ketenangan	86
	5.2.1.2 Kestabilan Pengawalan Emosi	88

5.2.1.3	Keberanian Berhadapan Dengan Cabaran Masa Hadapan	89
5.2.2	Perbincangan Bagi Persoalan Kajian 2	91
5.2.2.1	Berfikiran Positif	91
5.2.2.2	Berfikiran Matang	92
5.2.2.3	Berkesedaran Kendiri	93
5.2.2.4	Bermotivasi Membuat Perancangan Hidup	95
5.2.3	Perbincangan Bagi Persoalan Kajian 3	97
5.2.3.1	Meningkatkan Disiplin Diri	97
5.2.3.2	Menggalakkan Toleransi Diri	98
5.3	Implikasi Kajian	100
5.3.1	Implikasi Teoritikal	100
5.3.2	Implikasi Praktikal	105
5.4	Cadangan Penyelidikan Akan Datang	108
5.5	Rumusan	109
	RUJUKAN	110
	LAMPIRAN	125
	BIODATA PELAJAR	167
	PENERBITAN	168

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
1	Kerangka Teoritikal Kajian	35
2	Kerangka Konseptual Kajian	36
3	Dapatan kajian pengalaman sesi kaunseling individu terhadap perkembangan holistik diri remaja hamil luar nikah	84



SENARAI LAMPIRAN

Lampiran		Muka surat
1	Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan	125
2	Borang Persetujuan Peserta Kajian	126
3	Susunan Protokol Temu Bual	129
4	Petikan Daripada Transkrip Kesemua Peserta Kajian	132
5	Contoh Transkrip Peserta Kajian	147
6	Contoh Rumusan Nota Lapangan	160
7	Contoh Rumusan Nota Lapangan Pemerhatian	163
8	Kaedah Analisis Data	165
9	Contoh Pengesahan Jejak Audit (<i>Audit Trail</i>)	166

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan mengenai latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian serta skop dan batasan kajian. Selain itu, definisi terma kajian yang meliputi definisi konseptual dan definisi operasi yang digunakan dalam kajian ini juga akan memberi gambaran awal tentang motif dan motivasi penyelidik dalam melaksanakan kajian ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Remaja menggalas tanggungjawab yang signifikan dalam menentukan pembangunan mapan sesebuah negara. Remaja merupakan penyambung warisan negara yang merupakan aset utama negara yang akan mencorak masa depan negara bangsa. Hampir satu pertiga daripada populasi penduduk Malaysia merupakan golongan remaja dan jumlah populasi ini cukup tinggi bagi menentukan hala tuju negara (Azizi Yahya & Jesmin Abdul Wahab, 2008). Pendek kata, untuk merealisasikan misi dan visi ke arah pencapaian hasrat dan wawasan negara, remaja merupakan generasi penyambung dan penentu kepada pembangunan negara yang progresif dan dinamik.

Namun, terdapat sebilangan remaja yang terlalu jauh meninggalkan batas keperibadian serta melupakan nilai etika moral yang sewajarnya tersemam dalam diri (Siti Aisyah Yahya & Sidar Masrun, 2016). Sebilangan remaja ini dengan mudahnya terjebak dengan pelbagai isu sosial serta tingkah laku negatif. Salah satu proses pembangunan negara yang banyak mempengaruhi tingkah laku dan cara hidup remaja hari ini ialah proses urbanisasi. Dalam mengejar pembangunan dan kemajuan masa kini, didapati masyarakat Malaysia berhadapan dengan pelbagai isu remaja yang sedang bergelut dengan keruntuhan akhlak yang begitu membimbangkan. Antara isu tersebut ialah kehamilan luar nikah (Nurul Husna Mansor, Khairul Hamimah Jodi, Raihanah Abdullah & Fakhru Adabi, 2017). Isu ini menjadi kian meruncing seiring dengan kemajuan masa dan kemajuan dalam bidang teknologi.

Remaja merupakan satu peringkat perkembangan yang penting dalam kehidupan seseorang individu kerana peringkat perkembangan ini merupakan jangka masa peralihan daripada alam kanak-kanak yang perlu dilalui oleh setiap individu bagi menyediakan diri ke alam dewasa. Menurut Che Noraini Hashim (1999), remaja merupakan satu kumpulan anak-anak muda yang berusia antara 12 hingga 21 tahun atau 13 hingga 25 tahun. Hall (1995) yang merupakan

seorang ahli psikologi mengaitkan fenomena *storm and stress* dengan golongan remaja sebagai tempoh masa yang penuh huru-hara, penuh cabaran, penuh pemberontakan terhadap autoriti orang dewasa serta penuh dengan perubahan fizikal, intelektual dan sosial.

Alam remaja merupakan satu tahap kritikal dalam kehidupan seseorang individu. Ahli psikologi telah mengistilahkan alam remaja sebagai 'umur emosi' iaitu suatu peringkat yang penting dalam mencari identiti. Remaja sering berhadapan dengan konflik diri yang wujud dua pertembungan iaitu antara sifat kanak-kanak dan keinginan serta kebimbangan untuk menempuhi alam dewasa. Peringkat perkembangan psikologi zaman remaja agak pesat seperti perubahan biologi, fizikal, mental dan emosi serta perubahan tanggungjawab dan peranan. Untuk mengimbangi perubahan-perubahan ini, remaja sering berhadapan dengan isu dan konflik dalam diri dan persekitaran. Dengan sebab itu, berlakulah ketegangan dan tekanan emosi dalam diri remaja (Fariza Md. Sham, 2015). Pada zaman ini, perkembangan seksual, fizikal dan mental menjadi sangat aktif dan reaktif. Remaja akan berhadapan dengan perubahan biologikal yang dramatik serta pengalaman dan tugasan baharu dalam kehidupan (Santrock, 2008).

Pada zaman ini, remaja mula terdedah kepada alam yang lebih meluas di luar rumah; malahan persekitaran ini sudah menjadi rumah kedua kepada remaja. Remaja juga memerhati dan mempelajari perkara yang tidak semuanya datang daripada ibu bapa, tetapi kebanyakannya daripada persekitaran sosial di mana mereka membesar. Dalam tempoh inilah remaja mula mengubah tingkah laku, sikap, nilai; malahan, seluruh cara hidup daripada alam kanak-kanak kepada alam yang lebih matang dan dewasa. Jiwa remaja bersifat sensitif, ingin dibelai dan memerlukan perhatian dalam setiap perkara yang dilakukan. Remaja sering terlibat dalam masalah sosial kerana inginkan perhatian (Othman Md Johan & Norazmah Mohd Roslan, 2010).

Kebanyakan remaja dapat melepasi zaman remaja dengan berjaya tetapi ada juga yang mengalami masalah psikologikal dan tingkah laku yang bukan sahaja menggugat kehidupan sendiri, malah menggugat kehidupan individu lain yang berada di persekitarannya (Azizi Yahya, 2006).

Statistik yang diperolehi daripada Kementerian Kesihatan Malaysia berkenaan remaja hamil yang berdaftar di Klinik Kesihatan Malaysia bermula tahun 2014 hingga 2018 menunjukkan seramai 3,694 kes remaja hamil luar nikah pada tahun 2017. Secara puratanya dianggarkan 300 kes sebulan, dan ini bermakna 10 kes remaja hamil didaftar dalam sehari. Masalah remaja hamil luar nikah yang tidak dicelah dengan berkesan mempunyai ramifikasi yang kritikal. Antaranya ialah ia mendorong kepada masalah pengguguran kandungan dan pembuangan bayi. Mantan Timbalan Perdana Menteri Malaysia yang juga Menteri di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat,

Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail ketika diminta untuk mengulas berkenaan kes remaja perempuan berusia 18 tahun yang meninggal dunia ketika melahirkan bayi lelaki di dalam sebuah tandas di Ipoh Perak pada 15 Oktober 2018 menasihatkan remaja perempuan yang terlanjur dan hamil luar nikah membuang rasa takut untuk tampil mendapatkan bantuan (Berita Harian, 2018).

Penglibatan gadis remaja dalam gejala seks bebas membimbangkan semua pihak. Kajian Mariani Md. Noor (2005) mendapati pelajar awal remaja berusia 12 hingga 15 tahun menggunakan seks bebas sebagai alasan untuk berseronok dan melepaskan tekanan perasaan ekoran terlalu banyak tegahan daripada ibu bapa. Faktor persekitaran juga menjadi mendorong remaja terjebak dalam gejala seks bebas. Selain itu, terdapat remaja yang mengaitkan cinta dengan seks, dan jika ada cinta yang tidak menyediakan seks maka ia bukan dinamakan cinta. Menurut Bartholomew dan Horowitz (1991), keperluan untuk disayangi menyebabkan individu risau ditinggalkan dan sanggup melakukan apa sahaja untuk mendapatkan kasih-sayang. Apabila merasakan diri dilamun cinta, individu tidak dapat mengendalikan persahabatan yang sihat, sebaliknya terlalu obsesif ataupun terlalu mengikut perintah orang yang tersayang sehinggakan terjalannya pergaulan bebas (Rubiah Kulop Hamzah, 2001). Isu ini turut menggambarkan bahawa remaja masa kini semakin agresif, berani dan liar. Semakin ramai remaja lelaki mahupun perempuan di negara-negara membangun terlibat dengan seks sebelum menginjak usia 15 tahun (Dixon-Mueller, 2009). Menurut Park (2010), dilaporkan purata seramai 100 orang bayi di Malaysia dibuang pada setiap tahun dan kebanyakannya ditemui meninggal dunia. Situasi ini memberi kebimbangan kepada semua pihak sehingga pada tahun 2010, kerajaan Malaysia dan sebuah Badan Bukan Kerajaan iaitu OrphanCARE telah bekerjasama dalam mewujudkan Pusat Perlindungan Bayi yang tidak diterima atau diingini. Remaja hamil yang berusia bawah 15 tahun menghadapi kandungan berisiko dan mempunyai risiko komplikasi serta kematian lima kali ganda berbanding wanita dewasa (*World Health Organization*, 2019).

Keterlanjuran remaja dalam kemelut sosial perlu dibendung kerana aset yang diperlukan untuk memajukan negara tidak boleh dibiarkan terus hanyut (Khairul Hamimah Jodi & Nurul Husna Mansor, 2019). Salah satu kaedah yang disediakan bagi membendung isu ini daripada terus berlanjutan ialah dengan menempatkan remaja yang terjebak dalam kemelut sosial ke institusi pemulihan akhlak bagi menjalani proses pemulihan. Beberapa buah rumah pemulihan akhlak telah diwujudkan bagi membantu remaja ini memperbaiki sikap negatif dan bangun semula daripada keterlajuran yang berlaku; seterusnya menghalang mereka dari terjerumus semula dalam kancah sosial yang lebih serius.

Bagi remaja yang terdedah dengan gejala yang tidak sihat, Rumah Pemulihan Akhlak Kompleks Dar Assaadah merupakan sebuah pusat bimbingan remaja

perempuan bermasalah bawah kelolaan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) telah diwujudkan untuk menempatkan remaja yang terjerumus dengan isu sosial dan juga remaja yang hamil luar nikah. Kompleks Dar Assaadah pada awal penubuhannya pada tahun 1988 diberi nama Kompleks Kebajikan Masyarakat Islam dan kemudian ditukar namanya kepada Kompleks Dar Assaadah pada tahun 2001. Pada tahun 2007, segala pengurusannya diserahkan kepada Bahagian Pembangunan Insan, MAIWP. Pada Februari 2008 Kompleks Dar Assaadah berpindah ke lokasi baharu iaitu di Kampung Delima, Jalan Ipoh Kuala Lumpur sehingga ke hari ini (Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, 2011).

Remaja yang perlukan pemulihan dan perlindungan telah dihantar oleh penjaga dan ada juga dalam kalangan remaja ini secara sukarela datang untuk membuat pemulihan diri. Pelatih di Kompleks Dar Assaadah berusia dalam lingkungan 18 ke 35 tahun yang memerlukan bimbingan. Majoriti remaja wanita yang berada di Kompleks ini merupakan remaja yang hamil luar nikah. Di sini, pelatih diwajibkan menghadiri program rawatan dan pemulihan selama dua tahun. Di rumah perlindungan ini pelatih akan diberikan bimbingan dan panduan sebagai persediaan untuk kembali ke pangkuan masyarakat. Pelatih yang terlanjur ini perlu dibantu dengan diberikan perlindungan supaya kehidupan akan lebih selamat dan tenang dalam menghadapi cabaran kehidupan pada masa akan datang (Siti Marziah Zakaria & Nur Afifah Zulkifli, 2017). Pelatih yang terlanjur mengalami keadaan emosi yang tidak stabil, banyak menyalahkan diri dan membenci diri sendiri dan anak yang dikandung dan dilahirkan (Mohd Makzan Musa, 2013).

Terdapat beberapa persamaan dari sudut program yang dijalankan di setiap pusat pemulihan akhlak iaitu bimbingan dan kaunseling, program keagamaan, vokasional dan sebagainya (Azizi Yahaya, Yow Kiaw Geok & Amir Hamzah Abdul, 2008). Maka, peranan kaunselor berdaftar dan perkhidmatan kaunseling diperlukan dalam membantu menangani isu di pusat pemulihan akhlak, sekaligus membentuk perkembangan holistik dan peribadi remaja. Tujuan utama sesi kaunseling ialah untuk menolong individu supaya dapat berfungsi dengan lebih positif. Menurut Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim (2016), fungsi kaunseling individu bukan sahaja berbentuk pencegahan dan pemulihan tetapi juga dari apek pembangunan modal insan secara menyeluruh. Ini membuktikan bahawa kaunselor berdaftar mempunyai peranan penting dalam usaha mengurangkan punca gejala sosial. Pendedahan perkhidmatan kaunseling secara meluas mampu mengurangkan segala isu intrapersonal dan interpersonal (Sapora Sipon & Hapshah Md. Yusof, 2010). Menurut Haslinda Masian (2016), bimbingan dan kaunseling merupakan salah satu kemudahan yang dilaksanakan di salah sebuah pusat pemulihan akhlak di Selangor dan telah terbukti dapat memupuk pelatih kemahiran menyelesaikan masalah. Selain itu, pendidikan dan bimbingan rohani juga turut ditekankan di kebanyakan pusat pemulihan akhlak di seluruh negara.

Kualiti perkhidmatan kaunseling meningkat dari semasa ke semasa. Sejak kebelakangan ini, perkhidmatan kaunseling sangat diberi perhatian di Malaysia. Pada tahun 1960-an, perkhidmatan kaunseling hanya disediakan dalam bentuk bimbingan di sekolah (See & Ng, 2010), tetapi pada masa ini perkhidmatan kaunseling di Malaysia telah diperluas ke seting kerajaan serta badan bukan kerajaan seperti hospital, penjara, pusat pemulihan dadah, universiti dan bahagian kebajikan. Suradi Salim dan Rafidah Aga Mohd Jaladin (2005), menyatakan bahawa kaunseling di sektor swasta tumbuh dengan pesat sejak 1980-an dengan memberikan sumbangan yang besar dalam usaha meningkatkan potensi dan produktiviti individu.

Menurut Amla Salleh, Zuria Mahmud dan Salleh Amat (2009), sesi kaunseling individu menjadi salah satu input terpenting dalam perkhidmatan kaunseling. Kebiasaannya guru bimbingan dan kaunseling akan melaksanakan sesi kaunseling individu kepada murid yang hadir bagi mendapatkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Antara matlamat dalam sesi kaunseling individu ialah memberi perkhidmatan perkembangan holistik yang meliputi semua aspek perkembangan diri murid selain membantu murid mencari jalan untuk menyelesaikan isu yang dialami. Antara bentuk bantuan yang diberikan ialah membina kemahiran mengurus isu yang dihadapi (Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim, 1992).

Kaunseling merupakan satu proses membina perhubungan kerjasama antara kaunselor dan klien dalam usaha melakukan perubahan terhadap sikap dan tingkah laku. Konsep utama dalam kaunseling iaitu mewujudkan perhubungan menolong dan mempertingkatkan nilai murni memang sangat bertepatan seperti yang dianjurkan dalam Islam, seperti hadis Rasulullah S.A.W. yang bermaksud:

*“Barang siapa memberikan pertolongan terhadap seseorang mukmin yang sedang dalam kesusahan, atau menolong seseorang mukmin yang teraniaya, nescaya ia akan diampunkan dosanya”
(Riwayat Bukhari dan Muslim)*

1.3 Permasalahan Kajian

Dalam kitaran hidup manusia, zaman remaja merupakan satu peringkat perkembangan yang terpenting kerana merupakan masa peralihan daripada alam kanak-kanak yang perlu dilalui oleh setiap individu dalam menyediakan diri ke alam dewasa (Azizi Yahaya, Jamaludin Ramli, May Lin Wei & Muhamad Zurhana, 2006). Remaja ialah individu yang berada dalam peringkat umur 12 tahun hingga 18 tahun. Dalam proses perkembangan ini, remaja seharusnya boleh menyesuaikan diri dan seterusnya mewujudkan bibit-bibit kegemilangan dalam proses perkembangan (Azizi Yahya & rakan-rakan, 2006). Mengikut pendekatan humanistik dalam kaunseling, manusia boleh berkembang secara

positif dan membina kejayaan secara berperingkat dalam menuju nirwana sendiri (Rogers, 1986).

Namun, sejak akhir-akhir ini, pelbagai pihak mulai menyerlahkan rasa kebimbangan tentang keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja (Mohd. Khairul Amin Khairani, 2006). Fenomena seks luar nikah berlaku di mana-mana di seluruh dunia. Kajian yang dijalankan di Malaysia menunjukkan 27% daripada remaja di negara ini terlibat dengan aktiviti seks bebas. (Hashim Bedu & rakan-rakan, 2008). Antara kesan negatif langsung daripada amalan seks bebas ialah hamil luar nikah, pengguguran kandungan, komplikasi kesihatan dan kematian (Hashim Bedu & rakan-rakan, 2008). Fenomena seks bebas ini ialah perlakuan bilazim yang tidak boleh diterima di sisi norma masyarakat Malaysia (Siti Aisyah Yahya & Sidar Masrun, 2016). Kajian yang dijalankan oleh Mohd Fauzi Hamat dan Mohd Khairul Naim Che Nordin (2012) menjelaskan bahawa gejala seks bebas, pengguguran kandungan, kehamilan anak luar nikah dan pembuangan bayi dalam kalangan remaja hari ini bukan lagi menjadi suatu perkara asing dalam masyarakat. Dianggarkan sebanyak 300 kes kehamilan remaja luar nikah berlaku dalam sebulan dan ini bermakna sebanyak 10 kes berlaku setiap hari (Sinar Harian, 2019). Terdapat 60-70% murid sekolah rendah yang berusia lingkungan 9 hingga 12 tahun mempunyai pengetahuan berkenaan seks dan berminat untuk mengetahui lebih lanjut melalui bahan-bahan lucah yang lebih mudah diperolehi dalam zaman dunia tanpa sempadan ini (Mariam Abd Majid, Nurul Zafirah Azman & Nurul Izzah Mohd Yani, 2019).

Kajian oleh Reffina Siong dan Tharshini (2020) mendapati hubungan kekeluargaan yang lemah dan berpecah belah, perkembangan teknologi maklumat yang membuka ruang kepada golongan remaja mengakses video pornografi, pengaruh rakan sebaya serta faktor sosioekonomi yang rendah merupakan faktor yang menjadi penyumbang golongan remaja terlibat dalam salah laku seksual hingga menyebabkan kehamilan luar nikah. Bagi remaja yang terjebak dengan kehamilan luar nikah, kebanyakan dari mereka tidak mendapat sokongan sosial yang sewajarnya daripada keluarga dan akhirnya dibuang keluarga atau dimasukkan ke rumah perlindungan akhlak bagi menyembunyikan kehamilan daripada pengetahuan masyarakat demi menjaga maruah keluarga (Noraffy Ahmad & Nasrudin Subhi, 2020).

Remaja hamil luar nikah sangat memerlukan sokongan dan galakkan daripada masyarakat. Kajian oleh Rohany Nasir, Zainah Ahmad Zamani, Rozainee Khairudin, Wan Shahrazad Wan Sulaiman, Mohd Norahim Mohd Sani dan Aizan Sofia Amin, (2015) mendapati kebanyakan remaja hamil luar nikah kurang mendapat sokongan sosial daripada persekitaran sosial sedangkan pada ketika ini mereka amat memerlukan sokongan sosial daripada individu signifikan dalam kehidupan mereka bagi mengekalkan tahap kesihatan mental yang optimum. Menurut Mariam Abd Majid, Nurul Zafiran Azman dan Muhammad Yusuf Marlon (2020), golongan remaja hamil luar nikah berhadapan implikasi dari aspek emosi, pemikiran dan tingkah laku yang boleh menjejaskan perkembangan diri

mereka. Remaja hamil luar nikah cenderung mengalami masalah kesihatan mental seperti tekanan, kemurungan dan kebimbangan. Hal ini kerana, mereka sering dihantui emosi negatif seperti malu, merasa bersalah kerana telah mengecewakan keluarga, tidak diterima masyarakat, merasa diri tidak berharga (Noraffy Ahmad & Nasrudin Subhi, 2020).

Penerimaan masyarakat ke atas kaunseling sebagai satu bentuk sistem sokongan menjadi semakin positif (Zainab Ismail, 2006). Oleh itu, perkhidmatan kaunseling dilihat mempunyai potensi yang boleh membantu dan membendung gejala tidak sihat dengan menyediakan bantuan perkembangan dan pemulihan (Gibson & Mitchell, 2009). Perkhidmatan kaunseling juga menjadi keperluan kepada masyarakat dan merupakan satu bentuk perkhidmatan bertujuan meningkatkan kesejahteraan psikologi individu; malah, berkait rapat dengan pembangunan modal insan yang sentiasa berhadapan dengan kepelbagaian tingkah laku manusia (Suhaya Deraman, Salasiah Hanin Hamjah, Ahmad Irdha Mokhtar & Mohamad Izzat Emir Ghazali, 2017). Perkhidmatan kaunseling merupakan salah satu daripada pelbagai usaha bantuan dan pemulihan secara holistik untuk membantu remaja hamil luar nikah agar dapat kembali menjalani kehidupan dan membina kesejahteraan diri bagi mendepani cabaran kehidupan pada masa hadapan. Zaman remaja perlu difahami dalam pelbagai sudut dan pendekatan. Perkhidmatan kaunseling secara profesional disediakan di institusi pemulihan akhlak dengan menempatkan kaunselor berdaftar bagi memastikan perkhidmatan yang berkualiti dan beretika dapat diberikan. Sesi kaunseling yang disediakan diharapkan akan menjadi pemangkin perubahan holistik remaja hamil luar nikah dengan membantu penerokaan diri dan persekitaran, bimbingan jasmani dan rohani serta mencari alternatif penyelesaian terhadap isu yang dihadapi. Kajian yang dijalankan oleh Zainuddin Abu dan rakan-rakan (2008) mendapati perkhidmatan sesi kaunseling yang diberikan secara profesional meninggalkan kesan positif terhadap perubahan jangka pendek dan jangka panjang serta mampu memberi kesan ke arah perkembangan diri yang lebih positif.

Kaunseling juga dapat meningkatkan harga diri, mengurangkan kemurungan dan memantapkan daya tahan remaja (Fauziah Mohd Sa'ad, 2014). Kaunselor berdaftar berperanan membantu individu yang memerlukan pertolongan bagi menghadapi permasalahan yang dihadapi agar individu tersebut memperoleh ketenangan dan kesejahteraan hidup seperti individu lain (Suhaya Deraman & rakan-rakan, 2017). Keberkesanan sesi kaunseling individu boleh dinilai melalui aspek emosi, pemikiran dan tingkah laku klien sepanjang sesi kaunseling tersebut dijalankan. Kefahaman klien terhadap punca permasalahan dapat memberi celik akal bahawa klien telah menyalahgunakan kebebasan dan dengan ini klien dapat membina matlamat yang ingin dicapai untuk membuat sesuatu perubahan (Zainuddin Abu & rakan-rakan, 2008). Oleh itu proses kaunseling dapat membantu individu membentuk dimensi baharu dari aspek emosi, pemikiran dan tingkah laku selain meneroka potensi diri (Mohd Azhan & Ku Suhaila, 2016).

Namun begitu, kajian yang dijalankan oleh Azizi Yahaya dan rakan-rakan (2010) yang bertujuan untuk melihat keberkesanan pelaksanaan program di rumah perlindungan wanita dan gadis menunjukkan bahawa secara keseluruhannya program bimbingan dan kaunseling yang disediakan adalah pada peringkat yang sederhana. Hal ini disebabkan oleh ketiadaan kaunselor berdaftar yang berkhidmat sepenuh masa di rumah perlindungan akhlak tersebut. Walau bagaimanapun, peranan kaunselor dalam membantu mengatasi masalah dan mengurangkan perasaan ketegangan masih lagi mendapat kepercayaan klien dan kaunselor juga dilihat ikhlas membantu. Saim, Dufaker, Eriksson dan Ghazinour (2013) dalam kajian mereka juga menunjukkan ketiadaan kaunselor yang bertauliah di rumah perlindungan akhlak menyebabkan remaja hamil luar nikah memendam perasaan dan masalah mereka kerana berasa tidak selamat untuk meluahkan kepada orang lain di situ. Sikap pekerja di rumah perlindungan akhlak yang sering menghakimi, mengungkit kisah silam dan mengabaikan perasaan mereka memberi kesan trauma kepada remaja hamil luar nikah ini. Namun begitu, perbezaan ketara dapat dilihat dari aspek mental dan emosi bagi remaja yang telah menjalani sesi kaunseling individu sebelum tinggal di rumah perlindungan tersebut yang mana mengakui lebih selesa untuk meneruskan kehidupan dan bersedia untuk membuat perubahan diri. Ketidadaan sokongan psikologi dan emosi daripada kaunselor profesional menjejaskan keberkesanan perubahan tingkah laku individu yang mendapatkan perlindungan di rumah perlindungan akhlak.

Teori Pemusatan Perorangan oleh Carl Rogers (1902-1987) menekankan bahawa perubahan boleh berlaku dalam diri manusia kerana manusia hakikatnya memiliki desakan semula jadi untuk memajukan diri dan bergerak ke arah kesejahteraan serta mempunyai nilai positif dan negatif terhadap pengalaman (Azlina Mohd, 2002). Menurut Shertzer dan Stone (1980), sesi kaunseling ialah proses interaksi yang membolehkan individu memahami diri dan situasi. Proses ini akan mengakibatkan pembentukan dan penjelasan matlamat dan nilai hidup sehingga klien dapat menentukan tindakan yang wajar diambil untuk menghadapi situasi masa depan.

Corey (2009) menggunakan istilah kaunseling sebagai satu proses seseorang klien itu diberi peluang untuk meneroka aspek diri dan kehidupan yang menimbulkan persoalan atau masalah dalam diri. Penerokaan ini akan menimbulkan kesedaran tentang diri dan situasi serta pilihan atau alternatif yang ada. Pengalaman dalam sesi kaunseling ini akan menolong seseorang individu mengesan halangan dan mengenal pasti bakat atau kebolehan klien untuk hidup dengan lebih berkesan. Apabila kaunselor yang bertauliah dapat menyelami kehidupan sebenar klien secara lebih mendalam, mengambil berat, memberi perhatian dan tidak berat sebelah dalam memahami klien, maka besar kemungkinan klien akan mengalami perubahan yang ketara (Mohammed Shariff Mustaffa, Zainuddin Hassan & Jamaluddin Ramli, 2004). Sesi kaunseling sewajarnya dapat membantu golongan remaja meneroka isu dan permasalahan yang dihadapi.

Di Rumah Perlindungan Akhlak Kompleks Dar Assaadah, seorang kaunselor berdaftar telah ditempatkan di situ bagi melaksanakan program bimbingan dan kaunseling dalam membantu pemulihan dan perkembangan diri remaja untuk berubah ke arah yang lebih positif. Data yang diperolehi daripada kaunselor berdaftar yang bertugas di Unit Kaunseling, Rumah Perlindungan Akhlak Kompleks Dar Assaadah tersebut, terdapat 99% remaja mengamalkan seks tanpa nikah hingga melahirkan anak luar nikah. Kebanyakan daripada mereka akan dirujuk kepada kaunselor bertugas untuk menjalani sesi kaunseling individu mengikut jadual yang telah di tetapkan. Penghuni yang menjalani sesi kaunseling akan mengalami perubahan atau perkembangan yang positif sama ada dari sudut emosi, pemikiran dan tingkah laku.

Namun begitu, terdapat persoalan yang timbul berkisar tentang sejauh manakah pengalaman sesi kaunseling individu dapat membantu remaja hamil luar nikah memperkukuh keperibadian diri dan meneruskan ikhtiar hidup selepas suatu episod hitam telah terlakar dalam diari kehidupan? Justeru, kajian ini dilakukan bagi meneroka secara lebih mendalam dan meluas pengalaman sesi kaunseling individu terhadap perkembangan holistik diri remaja hamil luar nikah.

1.4 Objektif Kajian

1.4.1 Objektif Umum Kajian

Secara umumnya, kajian ini bertujuan meneroka pengalaman sesi kaunseling individu terhadap perkembangan holistik diri remaja hamil luar nikah.

1.4.2 Objektif Khusus Kajian

- a) Meneroka pengalaman sesi kaunseling individu dalam membantu perkembangan holistik diri remaja hamil luar nikah dari aspek emosi.
- b) Meneroka pengalaman sesi kaunseling individu dalam membantu perkembangan holistik diri remaja hamil luar nikah dari aspek pemikiran.
- c) Meneroka pengalaman sesi kaunseling individu dalam membantu perkembangan holistik diri remaja hamil luar nikah dari aspek tingkah laku.

1.5 Persoalan Kajian

Terdapat beberapa persoalan kajian yang timbul hasil dari pernyataan masalah yang dibincangkan. Khususnya, kajian ini telah dilaksanakan untuk mengupas tiga persoalan berikut:

- a) Apakah pengalaman sesi kaunseling individu dalam membantu perkembangan holistik diri remaja hamil luar nikah dari aspek emosi?
- b) Apakah pengalaman sesi kaunseling individu dalam membantu perkembangan holistik diri remaja hamil luar nikah dari aspek pemikiran?
- c) Apakah pengalaman sesi kaunseling dalam membantu perkembangan holistik diri remaja hamil luar nikah dari aspek tingkah laku?

1.6 Kepentingan Kajian

Setiap kajian yang dijalankan mempunyai kepentingan sama ada untuk mencari jalan penyelesaian terhadap permasalahan, atau sebagai pemangkin perkembangan ilmu kajian baharu. Dengan keadaan jiwa remaja yang kelihatan semakin rapuh hingga tiada pengawalan diri, penyelidik merasakan kajian berkaitan pengalaman sesi kaunseling individu terhadap perkembangan holistik diri remaja hamil luar nikah amat penting dilaksanakan. Kajian ini diharapkan agar dapat membantu pihak yang relevan untuk terus membantu remaja daripada hilang arah dan terus hanyut mengejar keseronokan dan fatamorgana dunia.

Kajian ini juga dapat meneroka dan mengenal pasti pandangan remaja hamil luar nikah terhadap perkhidmatan sesi kaunseling individu yang dijalani sebagai satu usaha membantu perubahan diri dan mengatasi tingkah laku sosial ini tidak diteruskan lagi. Justeru, apabila kajian secara mendalam dan meluas ini dilaksanakan, diharapkan dapat membantu kaunselor di Rumah Perlindungan Kompleks Dar Assaadah mempunyai maklumat adakah perkhidmatan sesi kaunseling yang dilaksanakan selama ini dapat memberi manfaat dan membantu perkembangan holistik diri penghuni yang telah menjalani sesi kaunseling individu serta menjadi panduan dalam melaksanakan sesi kaunseling secara lebih berkesan.

Selain itu, kajian ini juga ingin melihat sejauh mana perkhidmatan sesi kaunseling individu diperlukan dalam membantu remaja hamil luar nikah berkembang secara holistik dari aspek emosi, pemikiran dan tingkah laku. Hal ini kerana bantuan daripada kaunselor amat penting kerana sokongan psikologi dan emosi yang diperolehi daripada kaunselor dapat menentukan masa hadapan mereka.

Dapatan kajian juga boleh memberi maklumat tambahan kepada pihak Kompleks Dar Assaadah dan seterusnya Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) berkaitan keberkesanan kaunseling dalam membantu remaja berkembang dan bersedia ke arah perubahan. Kompleks Dar Assaadah dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) boleh bergabung idea untuk merancang program utama dan aktiviti sampingan dalam membentuk semula akhlak pelatih bagi membolehkan mereka berani berdepan dengan segala cabaran dan dugaan hidup mendatang.

Kajian ini dinilai khususnya kepada golongan remaja yang merupakan penyambung warisan pada masa akan datang supaya sentiasa sedar dan beringat dengan gejala ini. Dengan kesedaran ini diharapkan akan menjadi teladan dan sempadan dalam mengelak dan mengawal gejala ini daripada menjadi biasa dan berleluasa. Dapatan kajian ini juga diharapkan dapat menyedarkan masyarakat terutamanya ibu bapa agar dapat memberi perhatian yang secukupnya kepada anak-anak di rumah. Gandingan pelbagai pihak diharapkan akan dapat membantu remaja khususnya penghuni Kompleks Dar Assaadah mengubah diri dan memulakan kehidupan baharu. Hal ini bukan untuk menghalalkan kesilapan yang telah dilakukan tetapi memberi peluang kedua untuk mereka menjadi ahli masyarakat yang lebih berguna dan positif.

1.7 Skop dan Batasan Kajian

Peserta kajian ini terdiri daripada remaja yang pernah melalui pengalaman melahirkan anak luar nikah dan sedang menjalani proses pemulihan akhlak di Kompleks Dar Assaadah. Peserta kajian juga terdiri daripada remaja yang pernah mendapatkan perkhidmatan kaunseling individu bersama kaunselor berdaftar di Kompleks Dar Assaadah. Kajian ini dilaksanakan berdasarkan penerokaan penceritaan latar belakang kehidupan, pengalaman yang dirasakan dan cetusan hati remaja hamil luar nikah. Oleh kerana kajian ini dijalankan untuk menerokai pengalaman sesi kaunseling individu terhadap perkembangan holistik diri remaja luar nikah, penyelidik telah menggunakan penyelidikan kualitatif sebagai kaedah menjalankan penyelidikan.

Kajian ini dijalankan di sebuah rumah pemulihan akhlak iaitu di Kompleks Dar Assaadah. Lokasi kajian hanya dijalankan di Kompleks Dar Assaadah disebabkan oleh faktor kekangan kos dan masa. Walau bagaimanapun, Kompleks Dar Assaadah ini memenuhi syarat dan berkeupayaan untuk memberikan data yang diperlukan oleh pengkaji kerana 99% remaja yang ditempatkan di sini terlibat dengan seks luar nikah, yang akhirnya mengandung serta melahirkan anak luar nikah. Oleh kerana kajian ini merupakan kajian yang berbentuk kualitatif, ianya melibatkan sejumlah individu yang kecil sahaja. Kajian ini hanya melibatkan lima orang peserta kajian yang terdiri daripada lima orang remaja hamil luar nikah. Sepanjang tempoh kajian dijalankan di Kompleks Dar Assaadah, penyelidik telah menemu bual setiap peserta kajian sekurang-kurangnya tiga kali bagi mengukuhkan data yang diperolehi. Maklumat kajian

yang diperolehi bergantung sepenuhnya kepada kejujuran peserta kajian dalam menjawab soalan temu bual yang dikemukakan oleh penyelidik.

1.8 Definisi Terma Kajian

Dalam kajian ini terdapat beberapa istilah yang digunakan oleh penyelidik untuk melengkapkan kajian ini. Istilah yang terdapat dalam kajian ini ialah pengalaman, sesi kaunseling, perkembangan holistik, remaja, hamil luar nikah, emosi, pemikiran dan tingkah laku.

1.8.1 Pengalaman

Definisi Konseptual

Berdasarkan Dewan Bahasa dan Pustaka (2016), pengalaman membawa maksud apa yang telah dialami, dirasakan atau ditempuhi oleh seseorang.

Definisi Operasional

Dalam kajian ini, pengalaman bermaksud apa sahaja pengalaman yang dialami, dirasakan atau ditempuhi oleh remaja hamil luar nikah dalam sesi kaunseling individu yang disertai. Pengalaman ini merangkumi perasaan, pemikiran dan tingkah laku.

1.8.2 Sesi Kaunseling Individu

Definisi Konseptual

American Counselling Association (2014) mendefinisikan kaunseling sebagai suatu aplikasi prinsip kesihatan mental, psikologi dan perkembangan manusia, melalui intervensi sistematik dari segi kognitif, afektif dan tingkah laku, juga strategi-strategi ke arah kesihatan dan pertumbuhan diri, perkembangan kerjaya serta patologi.

Mansur Abdullah dan Siti Nordinar Tamin (2010) menyatakan sesi kaunseling individu merupakan suatu proses menolong yang melibatkan interaksi dua hala antara orang yang memberi pertolongan dengan orang yang menerima pertolongan dalam suasana yang penuh muhibah, kesedaran dan saling memahami. Apabila proses dikembangkan, sudah tentunya berlaku juga proses kesedaran diri bagi orang yang menerima pertolongan. Usaha tersebut adalah hasil pemangkin yang berpunca daripada orang yang memberi pertolongan. Biasanya individu yang mendapatkan perkhidmatan sesi kaunseling berasa

dirinya kurang sempurna dan berkehendakkan pertolongan agar suatu perubahan boleh berlaku dari aspek perkembangan diri dari segi mental, emosi dan tingkah laku (Othman Mohamed, 2005).

Corey (2009) pula menyatakan matlamat asas kaunseling ialah untuk membantu klien mempunyai kesedaran tentang kekuatan dan kelemahan personalitinya. Kesedaran tersebut adalah sangat penting bagi seseorang merancang kehidupan yang lebih cemerlang mengikut kemampuannya (Kamaruzzaman Jalaludin, 2006). Mansur Abdullah dan Siti Nordinar Tamin (2010) merumuskan bahawa kaunseling ialah proses pertolongan yang bertujuan membantu individu memahami dirinya dan alam sekelilingnya.

Definisi Operasional

Dalam kajian ini, kaunseling merujuk kepada sesi kaunseling individu dijalankan kepada remaja hamil luar nikah di Kompleks Dar Assaadah dalam membantu perkembangan holistik diri dari aspek emosi, pemikiran dan tingkah laku, serta membantu mendapat celik akal dan kesejahteraan dalam hidup.

1.8.3 Perkembangan Holistik

Definisi Konseptual

Perkembangan berlaku secara berterusan dalam kehidupan. Perkembangan membawa erti perubahan atau masa, iaitu perubahan dengan umur dan perubahan daripada jenis evolusi atau ontogenik. Kedua-dua jenis perubahan ini sememangnya tidak dapat dipisahkan kerana seperti yang disarankan oleh Baltes, Reese dan Nasselroade (1977) iaitu dengan meningkatnya umur, perubahan evolusi yang lain akan berlaku iaitu dalam bentuk sahsiah, kognitif, moral, fizikal dan lain-lain. Perkembangan memiliki sifat holistik iaitu secara menyeluruh dan kompleks. Secara am, bahagian perkembangan manusia ini akan memaparkan jenis dan tahap perkembangan yang dialami dari detik kelahiran hinggalah ke akhir hayat (Mahmood Nazar Mohamed, 2018). Di samping itu, menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2016), perkembangan ialah proses berkembang menjadi maju atau tersebar, membiak, meluas, pertumbuhan dan kemajuan.

Berdasarkan Dewan Bahasa dan Pustaka (2016), holistik bersifat saling berkait antara satu sama lain sebagai suatu sistem bersepadu yang menyeluruh, bukan sekadar menyentuh aspek tertentu sahaja. Psikologi individu memandang individu sebagai satu entiti yang subjektif, dilihat secara holistik yang membawa makna bahawa segala tingkah laku manusia dapat difahami dengan memerhatikan fenomena yang subjektif dalam diri seseorang.

Definisi Operasional

Dalam konteks kajian ini, pengkaji ingin meneroka perkembangan holistik diri remaja hamil luar nikah dari aspek emosi, pemikiran dan tingkah laku setelah mereka menjalani sekurang-kurangnya tiga kali sesi kaunseling individu bersama kaunselor berdaftar.

1.8.4 Remaja

Definisi Konseptual

Remaja merupakan satu peringkat perkembangan yang penting dalam kehidupan seseorang individu. Perkembangan ini merupakan jangka masa peralihan daripada alam kanak-kanak yang perlu dilalui oleh setiap individu bagi menyediakan diri ke alam dewasa. Remaja boleh didefinisikan dari beberapa perspektif seperti perspektif Islam, perspektif barat dan perspektif ahli psikologi. Remaja dalam Bahasa Inggeris, '*adolescence*' atau Bahasa Latin '*adolescence*' yang bermaksud 'membesar' atau 'membesar menjadi matang' (Rogers, 1981). Dewan Bahasa dan Pustaka (2016) pula mentakrifkan remaja sebagai peringkat umur mulai dewasa, sudah akil baligh dan sudah cukup umur untuk berkahwin serta sedang melalui proses inginkan 'cinta'. Ini bermakna zaman remaja merupakan suatu proses dan bukannya jangka masa. Proses yang dimaksudkan ialah proses mencapai atau memperolehi sikap dan kepercayaan yang diperlukan demi penglibatan yang berkesan dalam masyarakat. Secara tipikalnya, zaman remaja dilihat sebagai suatu zaman yang dimulai dengan akil baligh dan berakhir apabila memasuki alam dewasa. Ia merupakan suatu zaman transisi antara zaman kanak-kanak dengan zaman dewasa (Jas Laile Jaafar, 2008).

World Health Organization (2019) pula mendefinisikan remaja sebagai satu segmen yang penting dalam proses perkembangan individu yang dibahagikan kepada tiga tahap iaitu remaja awal 12-15 tahun, remaja pertengahan 15-18 tahun dan remaja akhir 19-24 tahun. Secara umumnya, remaja diklasifikasikan sebagai waktu akal baligh yang melibatkan kematangan seksualiti dengan kebolehan untuk melahirkan anak dan perubahan yang ketara dari aspek fizikal namun belum lagi dapat berperanan dan dibebani tanggungjawab sebagaimana orang dewasa.

Undang-Undang Malaysia pula tidak mentakrifkan remaja sebaliknya mentafsirkan perkataan kanak-kanak bagi tujuan penjagaan, perlindungan dan pemulihan di samping penentuan prosiding jenayah. Di bawah seksyen 2(1) Akta Kanak-Kanak 2001 mentafsirkan seseorang yang di bawah umur 18 tahun bertanggungjawab layak menerima perlindungan sebagai kanak-kanak-kanak dalam konteks prosiding jenayah. Kesimpulannya, remaja dari sudut undang-undang merupakan sebahagian daripada golongan kanak-kanak yang berusia di

bawah 18 tahun yang bertanggungjawab terhadap apa yang dilakukannya yang menyalahi undang-undang di Malaysia (Undang-Undang Malaysia, 2006).

Menurut Hall (1904), zaman remaja merupakan zaman *storm and stress*. Ini kerana remaja akan mengalami perubahan secara biologiikal akibat perubahan hormon tubuh badan dan perlu disesuaikan dengan harapan dan kehendak masyarakat. Oleh itu remaja akan sentiasa menghadapi konflik dalam memenuhi keperluan kejantinaan, perkembangan egoistik, tingkah laku tidak menentu, perkembangan harga diri dan emosi.

Definisi Operasional

Setelah melihat tafsiran dan definisi remaja daripada pelbagai perspektif, boleh disimpulkan bahawa remaja ialah satu peringkat selepas zaman kanak-kanak dan telah melewati tahap belia. Mereka sudah memasuki akil baligh dan mula menuju kematangan fikiran, fizikal, emosi dan sosial. Justeru, remaja yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah remaja perempuan di Kompleks Dar Assaadah yang pernah hamil luar nikah berusia antara 18 hingga 21 tahun yang sedang melalui tempoh kematangan dan perkembangan dalam hidup mereka.

1.8.5 Hamil Luar Nikah

Definisi Konseptual

Kehamilan luar nikah dalam kalangan remaja merujuk kepada remaja yang bawah umur yang hamil tanpa ikatan perkahwinan (World Health Organization, 2019). Menurut Mariam Abd Majid, Nurul Zafirah Azman dan Muhammad Yusuf Marlon (2020), Kehamilan luar nikah ialah mengandung sebelum berkahwin iaitu berlaku hubungan seks di antara pasangan yang tidak sah.

Definisi Operasional

Merujuk kepada kajian ini, remaja yang terlibat dalam kajian ini ialah remaja hamil luar nikah yang sedang melalui proses pemulihan di Kompleks Dar Assaadah, Kuala Lumpur.

1.8.6 Emosi

Definisi Konseptual

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2016), emosi boleh didefinisikan sebagai suatu ekspresi perasaan naluri yang kuat seperti sayang, gembira, malu, sedih, takut, marah, tenang dan sebagainya. Perasaan-perasaan ini akan

mempengaruhi tindak balas luaran sama ada pada perubahan tubuh fizikal terkawal seperti mimik muka, dan tidak terkawal seperti badan berpeluh kerana ketakutan.

Dalam istilah psikologi, emosi merupakan bahasa dalaman seseorang yang berkait rapat dengan tindak balas (fizikal) daripada sensitiviti perasaan dalaman dan luaran (pergaulan sosial). Ia merupakan suatu pergerakan dalam minda yang dikeluarkan oleh pengaruh luaran. Minda adalah pasif dan sentiasa menerima semua yang terlintas untuk mempengaruhi emosi. Apabila minda tersebut bangkit untuk menunjukkan apa yang dirasainya, maka itulah yang dimaksudkan sebagai emosi. Perasaan kejiwaan seperti sedih, gembira, tenang, berani, takut dan lain-lain (Asmawati Desa, 2009). Emosi yang cerdas membolehkan individu mengenal pasti, menilai perasaan dan mengurus emosi sendiri dan orang sekeliling agar dapat bertindak balas terhadap perasaan dengan lebih baik (Goleman, 2009).

Definisi Operasional

Dalam kajian ini, pengkaji ingin melihat perkembangan holistik diri remaja hamil luar nikah dari aspek emosi. Emosi yang dimaksudkan ialah perasaan yang ditunjukkan oleh remaja hamil luar nikah di Kompleks Dar Assaadah setelah mereka menjalani sesi kaunseling individu.

1.8.7 Pemikiran

Definisi Konseptual

Pemikiran memainkan peranan yang penting apabila seseorang individu ingin membuat sebarang keputusan. Keputusan yang diambil itu termasuklah keputusan yang baik atau sebaliknya. Pemikiran yang sihat menggerakkan individu untuk bertingkah laku bersesuaian dengan norma masyarakat. Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2016), pemikiran boleh didefinisikan sebagai perihal memikir iaitu cara menyelesaikan masalah dengan menggunakan daya imaginasi iaitu bukan dengan menggunakan logik atau cara-cara pemikiran yang biasa sehingga dapat menghasilkan pelbagai pendekatan yang kelihatan luar biasa tetapi berkesan. Berfikir pula menggunakan akal untuk menyelesaikan sesuatu dengan membuat pertimbangan dengan baik.

Definisi Operasional

Pemikiran dalam konteks kajian ini merujuk kepada apa yang ditafsirkan dan difikirkan oleh remaja perempuan yang hamil luar nikah di Kompleks Dar Assaadah setelah mereka menjalani sesi kaunseling individu. Apa yang ingin dilihat oleh penyelidik ialah perkembangan holistik dari aspek pemikiran.

1.8.8 Tingkah Laku

Definisi Konseptual

Menurut Fauziah Ibrahim, Sheau Tsuey Chong, Denise Koh Choon Lian dan Juliana Rosmidah Jaafar (2016), tingkah laku merupakan suatu terma yang merujuk kepada apa sahaja yang seseorang lakukan sebagai respons kepada apa yang berlaku, yang dipamerkan melalui tindakan atau rasa hormat terhadap orang lain.

Definisi Operasional

Dalam kajian ini, pengkaji ingin meneroka perkembangan holistik remaja perempuan dari aspek tingkah laku. Tingkah laku yang dimaksudkan ialah tindakan atau perbuatan yang ditunjukkan oleh remaja perempuan yang telah hamil luar nikah di Kompleks Dar Assaadah setelah mereka menjalani sesi kaunseling individu.

1.9 Rumusan

Secara keseluruhannya, bab ini telah membincangkan secara terperinci berkaitan latar belakang kajian. Pernyataan masalah kajian berkaitan isu remaja hamil luar nikah serta bagaimana perkhidmatan sesi kaunseling individu oleh kaunselor berdaftar memberi kesan yang positif terhadap perkembangan holistik diri remaja dari aspek emosi, pemikiran dan tingkah laku turut difokuskan. Penyelidik turut menjelaskan objektif dan persoalan kajian, kepentingan kajian, skop dan batasan kajian serta definisi operasi dan konseptual kajian.

RUJUKAN

- Ab. Aziz Mohd Zin. (1999). *Psikologi dakwah*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Abdul Ghani Sulaiman. (2004). *Hala tuju kaunseling*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- American Counseling Association. (2014). *Code of Ethics*. American Counseling Association.
- Amir Awang. (1997). *Teori dan amalan psikoterapi*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Amla Salleh, Zuria Mahmud & Salleh Amat. (2009). *Bimbingan dan kaunseling sekolah (Ed. ke-2)*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Arbuckle, D. S. (1997). *Counseling philosophy: Theory and practice*. Allyn and Bacon Inc.
- Asmawati Desa. (2009). *Psikologi untuk golongan professional (Ed. ke-3)*. McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Azizi Yahaya, Anuar Abd Rahman, Abd Rahim Hamdan & Yusof Boon. (2010). *Program pemulihan akhlak wanita: Sejauhmana keberkesanan pusat perlindungan wanita membantu proses pemulihan?*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Azizi Yahaya & Jesmin Abdul Wahab. (2008). Keberkesanan program-program pemulihan tingkah laku di Taman Seri Putri Batu Gajah dan Kompleks Dar-Assaadah [Pembentangan persidangan]. *PERKAMA International Convention 2011*.
- Azizi Yahaya, Jamaludin Ramli, May Lin Wei & Muhamad Zurhana. (2006). Hubungan antara tingkah laku keibubapaan dengan penghargaan sendiri di kalangan remaja. *Jurnal Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*, 1, 36-45.
- Azizi Yahaya, Yow Kiaw Geok & Amir Hamzah Abdul. (2008). *Keberkesanan program pemulihan akhlak di Sekolah Henry Gurney Tunas Bakti*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Azizi Yahaya. (2006). *Indeks perlakuan buli di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah dan rendah di Malaysia [Disertasi sarjana]*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Azizi Yahya & Jesmin Abd Wahab. (2008). Keberkesanan program-program pemulihan tingkah laku di Taman Seri Putri Batu Gajah dan Kompleks Dar-Assa'adah. *Akademia*.

- Azlina Mohd. (2002). *Psikologi personaliti individu*. Karisma Publication Sdn. Bhd.
- Baltes, P. B., Reese, H. W., & Nesselroade, J. R. (1977). *Life-span developmental psychology introduction to research methods* (1st Ed.). Brooks/Cole.
- Bartholomew, K., & Horowitz, L. M. (1991). Attachment styles among young adults: A test of a four-category model. *Journal of Personality and Social Psychology*, 61, 226- 244.
- Bauwens, A. (2015). The use of method triangulation in probation research. *European Journal of Probation*, 2(2), 39-52.
- Berita Harian. (16 Oktober 2018). Remaja hamil luar nikah diminta dapatkan bantuan.
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/10/486811/remaja-hamil-luar-nikah-diminta-dapatkan-bantuan>
- Blackham, G. H. (1977). *Counseling: Theory, process, and practice*. Wadsworth Pub. Co.
- Blocher, H. D. (1987). *The professional counselor*. Macmillan Publishing Co. Inc.
- Bogdan, R. C., & Biklen, S. K. (1992). *Qualitative research for education: An introduction to theory and methods* (2nd ed.). Allyn & Bacon.
- Bogdan, R. C., & Biklen, S. K. (1998). *Qualitative research for education: An introduction to theory and methods*. (3rd ed.). Allyn & Bacon Inc.
- Bordin, E. S. (1994). *Theory and research on the therapeutic working alliance: New directions*. In A. O. Horvath, & L. S. Greenberg, (Eds.), *The working alliance: Theory, research and practice* (pp. 13-37). Wiley-Interscience Publication.
- Bormilesdin, E. S. (1976). The generalizability of the psychoanalytic concept of the working alliance. *Psychotherapy: Theory, Research and Practice*, 16, 252-260.
- Che Noraini Hashim. (1999). *Sejarah dan proses pemantapan negara-bangsa: Keruntuhan akhlak remaja masa kini, keruntuhan sesuatu bangsa*. Universiti Islam Antarabangsa.
- Cheng & Peifen. (2010). A narrative research of Taiwan clinical social workers professional self in the helping process. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 5, 37-238.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah dan statistik penyelidikan: Kaedah penyelidikan buku 1*. Mc Graw Hill.

- Cole, L., & Hall, I. N. (1970). *Psychology of adolescence*. Rinehart & Winston Inc.
- Corey, G. (2009). *Theory and practice of counseling and psychotherapy*. Books/Cole.
- Creswell, J. W. (2003). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (2nd ed.). Sage Publications.
- Creswell, J. W. (2007). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (2nd ed.). Sage Publications.
- Denzin, N. K. (1989). *The research act: A theoretical introduction to sociological methods*. Prentice Hall.
- Denzin, N. K., & Lincoln, Y. S. (1994). *Handbook of qualitative research* (3rd ed.). Sage Publications.
- Denzin, N. K., & Lincoln, Y. S. (2005). *Handbook of qualitative research* (3rd ed.). Sage Publications.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2016). *Kamus Dewan* (Ed. ke-4). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Digdem, M. S., & Firdevs, S. (2010). Empathy & self efficacy, and resiliency: An exploratory study of counseling students in Turkey. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 5, 459-463.
- Dixon-Mueller, R. (2009). Starting young: Sexual initiation and HIV prevention in early adolescence. *AIDS Behaviour*, 13, 100-109.
- Fadilah Fauzi & Mariani Omar. (2014). *Pendekatan kaunseling teori pemusatan insan dalam proses kaunseling: Satu analisis menurut perspektif Islam*. KUISAS.
- Fariza Md. Sham & Azyyati Nazim. (2015). Pendekatan psikologi dakwah dalam menangani remaja berisiko: Fokus pendekatan bimbingan jiwa. *Jurnal Hadhari*, 7(2), 63-73.
- Fariza Md. Sham. (2015). Kemahiran psikologi dakwah kepada golongan remaja. *Al-Hikmah*, 7(1), 95-101.
- Fauziah Ibrahim, Sheau Tsuey Chong, Denise Koh Choon Lian & Juliana Rosmidah Jaafar. (2016). Perbandingan tingkah laku sosial berdasarkan kumpulan etnik dalam kalangan generasi muda terpinggir di Malaysia. *Malaysia Journal of Society and Space*, 12(13), 28-38.

- Fauziah Mohd Sa'ad. (2014). *Keberkesanan kaunseling kelompok pendekatan pemusatan insan dan pendekatan psikologi kognitif ad-Din ke atas konsep sendiri, kemurungan dan daya tahan remaja hamil luar nikah* [Tesis kedoktoran]. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fauziah Sa'ad, Fatimah Yusoff, Salina Nen & Nasrudin Subhi. (2014). The effectiveness of person-centered therapy and cognitive psychology ad-Din group counseling on self-concept, depression and resilience of pregnant out-of-wedlock teenagers. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 114, 927-932.
- George, R. L., & Cristiani, T. S. (1990). *Counselling: Theory and practice* (3rd Ed.). Prentice Hall.
- George, R. L., & Cristiani, T. S. (1995). *Counseling: Theory and Practice* (4th Ed.). Prentice Hall.
- Gibson, R. L., & Mitchell, M. (2009). *Introduction to counselling and guidance*. Macmillan Publishing Company.
- Goleman, D. (2009). *Emotional intelligence: Why it can matter more than IQ?* Bantam Books.
- Goodson, I. F., & Sikes, P. (2001). *Life history research in educational settings*. Open University Press.
- Guba, E. G., & Lincoln, Y. S. (1981). *Effective evaluation: Improving the usefulness of evaluation results through responsive and naturalistic approaches*. Jossey-Bass.
- Habibah Elias & Noran Fauziah Yaakub. (2006). *Psikologi personaliti*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Halimah Abd Halim & Zainab Ismail. (2015). Pendekatan pencegahan kaunselor muslim dalam menangani salah laku pelajar sekolah menengah di daerah Klang, Selangor. *International Journal of Islamic Thought*, 8(12), 17-26.
- Hall, C. (1995). *Theories of personality*. John Wiley and Sons Inc.
- Hall, G. S. (1904). *Adolescence: It's Psychology and Its Relations to Physiology, Anthropology, Sociology, Sex, Crime, Religion and Education*. (2 Vols.). Appleton-CenturyCrofts.
- Hasimah Ibrahim, Zuria Mahmud & Amla Salleh. (2005). Tinjauan tentang tugas kehidupan remaja di Malaysia berdasarkan Teori Adlerian. *Prosiding Persidangan Kaunseling Universiti Malaya*, 46-57.

- Haslinda Masian. (2016). Keberkesanan modul kerohanian pemulihan akhlak remaja di Baitul Ehsan daerah Sabak Bernam, Selangor. *Proceedings of the International Conference on Education towards Global Peace*, 1-73.
- Holsten, J. A., & Gubrium, J. F. (1995). *The active interview*. Sage Publications.
- Ibrahim Mamat. (1997). *Memimpin remaja sekolah*. Penerbit Kumpulan Budiman.
- Ikiz, F. E., (2009). Investigation of counselor empathy with respect to safe school. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 8, 346-356.
- Jas Laile Suzana Jaafar. (2008). *Pengenalan kepada psikologi kanak-kanak dan remaja*. Arah Publication.
- Kamaruzzaman Jalaludin. (2006). *Teori kaunseling bina jiwa: Falsafah dan orientasi klinikal*. Kangar.
- Khadijah Alavi, Salina Nen, Fauziah Ibrahim, Noremy Md. Akhir, Suhaimi Mohamad & Noorhasliza Nordin. (2012). Hamil luar nikah dalam kalangan remaja. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(1), 131-140.
- Khairul Hamimah Jodi & Nurul Husna Mansor. (2019). Kesediaan remaja hamil luar nikah terhadap program kerohanian di pusat perlindungan wanita. *Islamiyyat*, 41(1), 59-68.
- Konopka, G. (1973). Requirements for healthy development of adolescent youth. *Adolescence*, 8(31), 2-25.
- Latipun, S., Nasir, R., Zainah, A. Z., & Khairudin, R. (2012). Effectiveness of peer conflict resolution focused counseling in promoting peaceful behavior among adolescents. *Canadian Center of Science and Education*, 8(9).
- Lefrancois, G. R. (1993). *The lifespan* (4th ed). Wadsworth Publication.
- Mahani Ismail, Shahrir Jamaluddin & Melati Sumari. (2017). The counselors' psychological well being. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(3), 733-738.
- Mahmood Nazar Mohamed. (1999). *Memulihkan penagih tegar: Implikasi kepada modiliti masa kini*. Penerbit UUM (Universiti Utara Malaysia).
- Mahmood Nazar Mohamed. (2001). *Kaunseling penagih dadah: Aplikasi dalam proses bimbingan dan kaunseling di institut pengajian tinggi* [Pembentangan seminar]. Seminar Kaunseling Kebangsaan Ke III, Universiti Utara Malaysia.

- Mahmood Nazar Mohamed. (2018). *Pengantar psikologi: Satu pengenalan asas kepada jiwa dan tingkah laku*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. (2011). *Pamphlet Dar Assaadah [Brosur]*.
- Marano, K. E. (2017). An analysis of empirical validity of Alfred Adler's Theory of birth order. *Aletheia - The Alpha Chi Journal of Undergraduate Scholarship*, 2(1), 1-14.
- Mardiana Mohamad, Halimatun Halaliah Mokhtar & Asnarulkhadi Abu Samah. (2011). Person-centered counseling with malay clients: Spirituality as an indicator of personal growth. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 30, 2117-2123.
- Margaritio, A., & Eftimie, S. (2012). The impact of a counseling program for abused children. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 4746-4750.
- Mariam Abd. Majid, Nurul Zafirah Azman & Nurul Izzah Mohd Yani. (2019). Faktor penglibatan remaja dalam salah laku seksual: Kajian terhadap remaja hamil luar nikah di Pusat Pemulihan Akhlak Negeri Selangor. *Al-Irsyad: Journal Of Islamic And Contemporary Issues*, 4(2), 94-109.
- Mariani Md Nor & Hamidah Sulaiman. (2005). *Seks bebas: Mengenalpasti punca perlakuan seks - Malaysia isu-isu sosial semasa*. Unit Penerbitan.
- Marohaini Yusoff. (2001). *Penyelidikan kualitatif: Pengalaman kerja lapangan kajian*. Universiti Malaya.
- May, M., & Housley, W. (1996). The effect of group counseling on self esteem of sexually abused female adolescents. *Guidance & Counseling*, 11(4), 38-42.
- Mazuki Salim & Wati Mohamad. (2013). Kepentingan perkhidmatan dan aktiviti bimbingan dan kaunseling dalam kalangan pelajar politeknik Kuala Terengganu [Pembentangan persidangan]. *Persidangan Pendidikan (Penyelidikan dan Inovasi) Dalam Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional*, 248-259.
- Mariam Abd. Majid, Nurul Zafirah Azman & Muhammad Yusuf Marlon. (2020). Implikasi dialami remaja hamil luar nikah: Kajian di pusat pemulihan akhlak Negeri Selangor. *Jurnal Pengajian Islam*, 13(2), 71-84.
- Merriam, S. B. (2001). *Qualitative research and case study applications in education*. Jossey-Bass Publishers.
- Miles, M. B., & Huberman, M. A. (1994). *Qualitative data analysis: A sourcebook of new methods* (2nd ed.). Sage Publication.

- Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim & Halimatun Halaliah Mokhtar. (2005). *Kaunseling individu: Apa dan bagaimana?* (Ed. Ke-2). Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim & Halimatun Halaliah Mokhtar. (2002). *Kaunseling individu* (Ed. Ke-5). Penerbit Fajar Bakti.
- Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim. (1992). Latihan formal bagi bakal kaunselor di Universiti Pertanian Malaysia. *Jurnal Perkama*, 3(4), 218-224.
- Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim. (2016). *Kaunseling sebagai strategi pembangunan Negara*. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mohd Azhan Mohamed Abdul Kadir & Ku Suhaila. (2016). Keberkesanan psikopendidikan dalam kaunseling kelompok untuk membendung masalah disiplin murid sekolah rendah islam al-amin. *International Seminar on Profession Counselling 2016*, 88-94.
- Mohammed Sharif Mustafa, Roslee Ahmad & Jamaludin Ramli. (2007). *Kaunseling dan psikoterapi: Teori, teknik dan amalan*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohammed Shariff Mustaffa, Zainuddin Hassan & Jamaluddin Ramli. (2004). *Aplikasi pendekatan kaunseling pemusatan klien dalam menangani masalah emosi remaja di sekolah: Satu kajian kes* [Pembentangan seminar]. Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004). Hotel City Bayview Langkawi.
- Mohd Makzan Musa. (2013). Kebencian dalam kalangan remaja mengandung luar nikah: Satu kajian art therapy. *Prosiding dalam Persidangan Antarabangsa Pertandingan Inovasi Kaunseling Dan Pendidikan*. Johor.
- Mohd Salleh Lebar. (1999). *Asas psikologi perkembangan*. Utusan Publications & Distributors.
- Mohd. Fauzi Hamat & Mohd. Khairul Naim Che Nordin. (2012). Tinjauan kepentingan pembangunan modal insan di Malaysia (Review on the importance of human capital development in Malaysia). *Jurnal Al-Tamaddun*, 7(1), 75-89.
- Mohd. Fauzi Hamat & Mohd. Khairul Naim, Che Nordin. (2012). Tinjauan kepentingan pembangunan modal insan di Malaysia. *Jurnal Al-Tamaddun*, 7(1), 75-89.
- Mohd. Hamdan Abdullah, Fariza Md Sham & A'dawiyah Ismail. (2018). Pendekatan motivasi dalam dakwah remaja. *Jurnal Hadhari*, 10(1), 77-92.

- Mohd. Khairul Amin Khairani. (2006). *Faktor-faktor yang menyumbang remaja melakukan jenayah juvana; Satu tinjauan di sekolah Henry Gurney Telok Mas, Melaka*. UTM Malaysia.
- Mohd. Majid Konting.(2004). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Syukarni Zakaria & Jamaluddin Ahmad. (2012). Pendekatan kaunseling individu terhadap modal insan di sekolah menengah agama dan sekolah menengah kebangsaan [Pembentangan seminar]. *Seminar Pasca Siswazah Dalam Pendidikan*, 490-496.
- Muhd Mansur Abdullah & Siti Nordinar Mohd Tamim. (2003). *Proses kaunseling* (Ed. ke-2). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhd Mansur Abdullah & Siti Nordinar Tamin. (2010). *Proses kaunseling* (Ed. ke-3). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhd Mansur Abdullah. (1996). *Kaunseling: Teori, proses dan kaedah* (Ed. ke-2). Fajar Bakti.
- Muhd. Mansur Abdullah & Siti Nordinar Mohd Tamin. (1998). *Psikologi remaja*. Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- N.k. Tharshini, Fauziah Ibrahim, Mohd Suhaimi Mohamad & Ezarina Zakaria. (2018). Tahap konsep sendiri, kesedaran komuniti, sokongan sosial dan pengintegrasian sosial bagi pesalah muda di Malaysia. *Akademika*, 88(3), 91-100.
- Najloo, N. (2011). The study of counselling services effect on Iranian Adolescence's mental health. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 30, 312-315.
- Nasrudin Subhi, Radhiah Abu Bakar, Norazura Ahmad, Suzana Hoesni, Fauziah Ibrahim & Suhaimi Mohamad. (2012). Hubungan seksual remaja: Antara cinta dan nafsu. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(1), 150-25.
- Newman, W. L. (2002). *Social research methods qualitative and quantitative approaches* (4th ed.). Allyn & Bacon.
- Nor Jumawaton Shahrudin, Mariani Mansor, Zainal Madon & Hanina Halimatusaadiyah Hamsan. (2018). Hubungan pengaruh rakan sebaya, estim diri dan lokus kawalan dengan sikap terhadap tingkah laku seksual. *Akademika*, 88(2), 81-94.

- Nor Jumawaton Shahrudin, Mariani Mansor, Zainal Madon & Hanina Halimatusaadiyah Hamsan. (2017). Hubungan di antara perapatan ibu bapa-anak dan estim diri dengan sikap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 31(2), 57-67.
- Norshidah Nordin, Rohaya Abd Wahab & Farhana Wan Yunus. (2012). Psychological well-being of young unwed pregnant women: Implications for extension education and programs. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 68(12), 700-709.
- Norulhuda Sarnon, Mohd Suhaimi Mohamad, Fauziah Ibrahim, Khadijah Alavi, Salina Nen, Suzana Mohd Hoesni, Zaizul Rahman & Wan Azreena. (2012). Hamil luar nikah: Memahami remaja sebagai asas intervensi keluarga. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(1), 121-130.
- Nupponen, R. (1998). What is counseling all about: Basic in the counseling of health related physical activity. *Patient Education & Counseling*, 33(1), 61-67.
- Nur Fadhilah Abdullah Fauzi & Mariani Omar. (2014). Pendekatan kaunseling teori pemusatan insan dalam proses kaunseling: Satu analisis menurut perspektif Islam. *International Counseling Conference and Work*, 13-15.
- Nur Liyana, Mohammad Aziz & Mohammad Nasir. (2015). Terjemahan, Kesahan dan Kebolehppercayaan Career Thoughts Inventory. *Sains Humanika*, 7(1), 31-41.
- Nurhafizah Mohd Sukor, Rezki Perdani Sawai, Mohd Mahyeddin Salleh, Mustafa 'Afifi Ab Halim, Dini Farhana Baharuddin & Joki Perdani Sawai. (2015). Management of baby dumping in Malaysia: A qualitative study. *Al'Abqari Journal*, 6, 35-52. Penerbit USIM.
- Nurzatil Ismah Azizan, Nazreen Ismail, Sahlawati Abu Bakar, Zanariah Dimon & Asma' Wardah Surtaman. (2015). Permasalahan masalah sosial dalam kalangan remaja di Selangor: Satu tinjauan. *International Conference on Da'wah, Aqidah and Syariah 2015 (IRSYAD)*. Kuala Lumpur.
- Nurul Husna Mansor, Khairul Hamimah Mohammad Jodi, Raihanah Abdullah & Fakhrol Adabi Abdul Kadir. (2017). Pemulihan akhlak di pusat perlindungan wanita: Kajian di Baitul Ehsan dan Dar Assaadah. *Jurnal Hadhari*, 9(2), 261-274.
- Nyutu, P. N., & Gysbers, N. C. (2008). Assessing the counselling needs of high school students in Kenya. *International Journal for Advancement of Counselling*, 8, 83-94.
- Omardin Ashaari. (2007). *Menjana potensi dan motivasi diri*. iBook.

- Othman Lebar. (2012). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metod* (Cetakan ke-4). Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Othman Md Johan & Norazmah Mohd Roslan. (2010). *Faktor-faktor yang mempengaruhi remaja terlibat dalam masalah sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka*. Kajian UTM.
- Othman Mohamed. (2005). *Prinsip psikoterapi dan pengurusan dalam kaunseling*. Universiti Putra Malaysia Serdang.
- Oya Yerin Guneri. (2006). Counseling services in Turkish university. *International Journal of Mental Health*, 35(1), 26-38.
- Padgett, D. K. (1998). *Qualitative methods in social work research: Challenges and rewards*. Sage Publications.
- Pak, J. (2010). Growing problem of abandoned babies in Malaysia. *BBC News Asia-Pacific*. <http://www.bbc.co.uk/news/world-asia-pacific11050427>
- Patton (2015), M. Q. (2015). *Qualitative research & evaluation methods*. (4th Ed.). Sage Publication Inc.
- Undang-Undang Malaysia. (2006). *Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611)*. Percetakan Nasional Malaysia Bhd.
- Pyke, S. W., Minden, H., & Senn, C. Y. (1987). *Counseling evaluation: The target complaint technique* [Paper presentation]. Annual Canadian Guidance Ontario Canada, 19-22.
- Quinn, A. (2011). A person-centered approach to the treatment of borderline personality disorder. *Journal of Humanistic Psychology*, 51(4), 465-491.
- Rahimi Che Aman & Nor Shafrin Ahmad. (2010). Counseling practicum in producing excellent counselor. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 5, 1028-1032.
- Reffina Siong & N.K Tharshini. (2020). Isu kehamilan luar nikah dalam kalangan remaja di Malaysia: Satu tinjauan sorotan literatur. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 34, 4, 91-96.
- Richards, L. (2005). *Handling qualitative data; A practical guide*. Sage Publication.
- Robson, C. (2002). *Real world research*. Blackwell Publishers.
- Rogers, C. R. (1951). *Client centered therapy*. Houghton Mifflin.
- Rogers, C. R. (1961). *On becoming a person*. Houghton Mifflin.

- Rogers, C. R. (1979). *Client-centered therapy: Its current practice, implications and theory*. Constable.
- Rogers, C. R. (1981). *Adolescents and youth*. Prentice Hall.
- Rogers, C. R. (1986). A client-centered/person centered approach to therapy. In I. L. Kutash, & A. Wolf (Eds.), *Psychotherapist's casebook*. Jossey-Bass, 197-208.
- Rohany Nasir, Rusnani Abdul Kadir & Abd Halim. (2011). *Hala tuju bidang kaunseling di Malaysia*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Rohany Nasir, Zainah Ahmad Zamani, Rozainee Khairudin, Wan Shahrazad Wan Sulaiman, Mohd Norahim Mohd Sani & Aizan Sofia Amin. (2015). Tahap pengherotan kognitif, kesunyian, kemurungan, penghargaan sendiri dan sokongan sosial dalam kalangan wanita hamil luar nikah. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 29(2), 1-10.
- Rohany Nasir, Zainah Ahmad Zamani, Rozainee Khairudin, Wan Shahrazad Wan Sulaiman, Mohd Norahim Mohd Sani & Aizan Sofia Amin. (2016). Hubungan antara kesunyian dan sokongan sosial terhadap kemurungan dalam kalangan wanita hamil tanpa nikah. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 30(1), 152-159.
- Roselan Baki. (2001). *Interaksi lisan dalam pengajaran penulisan Bahasa Melayu daripada perspektif guru* [Tesis ijazah doktor falsafah]. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Roslee Ahmad & Mohamed Sharif Mustafa. (2007). Peranan kaunselor dalam penerapan dan pemupukan nilai-nilai murni melalui program kaunseling terhadap remaja di sekolah: Satu wadah bersepadu antara guru dan kaunselor.
- Rubiah Kulop Hamzah. (2001). *Teknik dan strategi membimbing remaja: Menghadapi cabaran*. PTS Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Ryckman, R. M. (2013). *Theories of personality* (10th ed.). Cengage Learning.
- Sabariah, S. (2005). *Teori kaunseling dan psikoterapi*. Pearson Malaysia Sdn Bhd.
- Salasiah Hamzah. (2010). Bimbingan spiritual menurut al-Ghazali dan hubungannya dengan keberkesanan kaunseling: Satu kajian di Pusat Kaunseling Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (PK MAINS). *Islamiyyat*, 32, 41-61.
- Saim, N. J., Dufaker, M., Eriksson, M. & Ghazinour, M. (2013). Listen to the voices of unwed teenage mothers in Malaysia shelter homes: An exploration study. *Global Journal of Health Science*, 5(5), 20-30.

- Santrock, J. W. (2008). *Adolescence* (12th edition). McGraw-Hill Higher Education.
- Santrock, J. W. (2008). *Life-span development* (11th edition). Mc. Graw-Hill.
- Sapora Sipon & Hapsah Yusof. (2014). *Pengenalan kepada profesion kaunseling*. (Ed. ke-2). Universiti Sains Islam Malaysia.
- Sapora Sipon & Hapshah Md Yusof. (2008). *Pengantar kaunseling individu* (Ed. ke-4). Arah Publication.
- Sapora Sipon & Ruhaya Hussin. (2010). *Teori kaunseling dan psikoterapi* (Ed. ke-2). Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Sapora Sipon. (2003). Gejala sosial di kalangan pelajar dan keperluan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling [Pembentangan kertas kerja]. Seminar Halatuju kaunseling Malaysia, Kuala Lumpur.
- Sapora Sipon. (2010). *Profesionalisme kaunselor sekolah: Satu tinjauan. Psikologi masyarakat Malaysia semasa*. Universiti Malaysia Sabah.
- Sarafino, E. P. (1996). *Principles of behaviour change*. John Wiley and Sons In.
- Seale, C. (2002). Quality issues in qualitative inquiry. *Qualitative Social Work*, 1(1), 97-110.
- See, C. M., & Ng. K. M. (2010). Counseling in Malaysia: History, current status, and future trends. *Journal and Counseling Development*, 88(1), 18-22.
- Seidman, I. E. (1991). *Interviewing as qualitative research: A guide for researchers in education and the social science*. Teachers College, Columbia University.
- Shahabuddin Hashim & Rohizani Yaakub. (2003). *Psikologi pembelajaran dan personaliti*. PTS Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Shahreen Kamaluddin. (2000). *Know yourself: The truth will set you free*. Personal Empowerment Training & Consulting Sdn Bhd.
- Sharpley, C. F., Bond, J. E., & Agnew, C. J. (2004). Why go to a counselor? Attitude to, and knowledge of counseling in Australia. *International Journal for the Advancement of Counseling*, 26, 95-108.
- Shertzer, B., & Stone, C. S. (1980). *Fundamentals of counseling*. (2nd Ed.). Houghton Mifflin.
- Sidek Mohd Noah. (2002). *Reka bentuk penyelidikan, falsafah teori dan praktis*. Universiti Putra Malaysia.

- Siti Aisyah Yahya & Sidar Binti Masrun. (2016). Tahap penghayatan agama dalam kalangan remaja hamil tanpa nikah. *Jurnal Sains Sosial*, 1, 17-35.
- Siti Hajar Abu Bakar, Haris Abdul Wahab & Siti Balqis Mohd Azam. (2019). Pelaksanaan terapi tingkah laku kognitif dalam program pemulihan terapeutik berasas institusi untuk remaja hamil luar nikah. *Jurnal Sains Kesihatan Malaysia*, 17(1), 83-90.
- Siti Marziah Zakaria & Nur Afifah Binti Zulkifli. (2017). Pengalaman remaja di rumah perlindungan dan perubahan dalam makna hidup. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 3.
- Siti Marziah Zakaria, Nasrudin Subhi, Khaidzir Ismail & Nor Ba'ayah Abdul Kadir. (2013). Self-esteem, coping strategy, and social support as correlates of life satisfaction among middle-aged Malay women. *Pertanika Journal Social Sciences & Humanities*, 21, 99-108.
- Stake, R. E. (2005). Qualitative case studies. In J. W. Creswell, *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (2nd ed.). Sage Publications.
- Suhaya Deraman, Salasiah Hanin Hamjah, Ahmad Irdha Mokhtar & Mohd Izzat Emir Ghazali. (2017). Persepsi masyarakat terhadap keperluan perkhidmatan kaunseling spiritual. *Islamiyyat*, 39(1), 57-65.
- Sulen, S. F., Nerguz, S. B., & Oguz, S. (2011). Effect of conflict resolution and peer mediation training on empathy skills. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 15, 2324-2328.
- Suradi Salim & Rafidah Aga Mohd Jaladin (2005). *Development of counseling service in Malaysia; Contemporary issues in Malaysia psychology*. Thomson.
- Suradi Salim. (1996). *Bimbingan dan kaunseling*. Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Syed Sofian & Rohany Nasir. (2010). Kesan kecerdasan emosi ke atas tekanan kerja dan niat berhenti kerja profesion perguruan. *Jurnal e-Bangi*, 5(1), 53-68.
- Tuckman, B. W. (1994). *Conducting educational research*. University of Michigan.
- Tugba, M., & Aynur Oksal, A. (2012). Elementary school teacher perceptions of school counselor effectiveness. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 47, 1917-1921.

- Van Manen, M. (2016). *Phenomenology of Practice: Meaning-giving methods in phenomenological research and writing*. (1st ed.). Routledge Taylor and Francis Group.
- Wan Fadhilah Wan Ismail. (2011, 16 februari). *Kesan dan akibat kehamilan remaja*. My HEALTH Kementerian Kesihatan Malaysia.
<http://www.myhealth.gov.my/kesan-a-akibat-kehamilan-remaja/>
- Wan Robiah Meor Osman & Hamidah Abdul Wahab. (2018). Kesantunan berbahasa kaunselor pelatih dalam sesi kaunseling. *Journal of Language Studies*, 18(1), 252-269.
- Wolcott, H. F. (1990). *Transforming qualitative data: Description, analysis and interpretation*. Sage Publication.
- World Health Organization. (2018). *Guidance on ethical considerations in planning and reviewing research studies on sexual and reproductive health in adolescents*. Department of Child and Adolescent Health and Development World Health Organization.
- World Health Organization. (2018, 20 Januari). *Child marriages: 39 000 every day*.
https://www.who.int/mediacentre/news/releases/2013/child_marriage_20130307/en/.
- World Health Organization. (2019). *Adolescent pregnancy: Issues in adolescent health and development*. Department of Child and Adolescent Health and Development World Health Organization.
- Yin, R. K. (1994). *Case study research: Design and methods* (2nd E.). Sage.
- Yu, J. (2009). Qualitative research on the attitudes towards teenage seual behavior of Chinese British families. *Journal of Transcultural Nursing*, 20(2), 156-163.
- Zainab Ismail. (2001). Proses kaunseling Islam di kalangan pasangan bermasalah: Satu kajian kes di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur [Tesis Sarjana Doktor falsafah]. Universiti Sains Malaysia.
- Zainab Ismail. (2006). Institusi perkhidmatan kemanusiaan dan pembangunan keluarga di Unit Perundingan dan Pembangunan Keluarga Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 9(6), 109-129.
- Zainab Ismail. (2015). Faktor gangguan psikologi dalam kalangan mahasiswa universiti. *Al-Hikmah*, 7(2), 55-71.

Zainuddin Abu, Zuria Mahmud & Salleh Amat. (2008). Pendekatan kaunseling menangani masalah dalam kalangan pelajar institut pengajian tinggi: Dua kajian kes. *Jurnal pendidikan*, 33, 107-123.

Zakaria, N. S. (2013). Counseling ethics education experience: An interpretive case study of the first year master's level counseling students [Doctorial dissertation]. *ProQuest Dissertations and Theses* (UMI 356207).

Zulkhairi Ahmad & Mahmood Nazar Mohamed. (2007). Keberkesanan program kaunseling rawatan dan pemulihan dadah dari perspektif penghuni pusat serenti. *Jurnal Anti Dadah Malaysia*, 1(2), 13-28.

